

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian kerajaan terhadap Pendidikan diautonomikan kepada negeri Sarawak dan Sabah atau kepada setiap negeri di Malaysia. Adakah Perlembagaan Persekutuan membenarkan demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sistem pendidikan negara melaksanakan pendidikan berpusat. Kewujudan Jabatan Pendidikan di setiap negeri adalah bagi melancarkan pengurusan pendidikan seluruh negara. Walaupun mengamalkan sistem pendidikan berpusat, negeri-negeri diberi kebebasan mengurus pendidikan negeri masing-masing dengan tertakluk kepada pengurusan pusat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada golongan gelandangan boleh ditakrifkan sebagai golongan yang layak dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang tertera dalam Seksyen 2 Akta Orang-Orang Papa 1977. Jika ya, nyatakan bentuk bantuan diberikan dan langkah diambil bagi mengatasi masalah gelandangan terutama di ibu kota.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan golongan gelandangan. Berdasarkan Seksyen 2 Akta Orang Papa 1977, golongan gelandangan merupakan golongan yang layak dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Antara bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak JKM kepada orang papa termasuk golongan gelandangan warganegara Malaysia yang diselamatkan adalah dengan menempatkan mereka di Desa Bina Diri (DBD), manakala bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).

Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di DBD dan RSK berkenaan, mereka akan menjalani pemulihan, perlindungan dan latihan kerjaya dalam bidang vokasional, pertanian dan kraftangan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

Pendidikan kerohanian dan rekreasi, rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan juga turut disediakan. Bagi yang mempunyai keluarga pula, mereka akan dihantar pulang ke pangkuan keluarga masing-masing.

Selain itu, KPWKM telah mewujudkan Anjung Singgah dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah ini merupakan pusat rujukan khidmat bantuan sosial bagi golongan gelandangan yang menyediakan tempat penginapan sementara, makanan serta khidmat kaunseling dan bantuan kebajikan yang diperlukan oleh golongan gelandangan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Kemudahan yang disediakan di Anjung Singgah ini adalah bertujuan sebagai intervensi awal kepada golongan gelandangan yang bersedia untuk berubah.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah golongan gelandangan ini, JKM sentiasa mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi lain untuk menyelamatkan mereka. Antara agensi yang terlibat ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan

Agama Islam dan pihak hospital. Dalam operasi bersepadu ini, setiap agensi akan mengenal pasti individu yang diselamatkan dan bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.